



# 'Walk-A-Payung'

## Tingkat Kesedaran Mengenai Penyakit Lupus

**Kempen 'Walk-A-Payung' yang disertai lebih 4,000 peserta di UMS baru-baru ini mampu meningkatkan kesedaran kepada masyarakat mengenai penyakit Lupus.**

Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah berkata penyakit Sistemik Lupus Eritmatosus (SLE) atau Lupus bukan penyakit yang sering didengar namun dianggarkan sehingga kini lebih 5 juta orang di seluruh dunia menghidap penyakit Lupus.

"Kajian menerusi Persatuan SLE Malaysia mendapati lebih 10,000 orang menghidap penyakit ini. Kita percaya masih ramai lagi yang menghidap penyakit ini belum disahkan kerana setiap pesakit mempunyai gejala yang berbeza iaitu sama ada ringan, sederhana atau serius, dan gejala ini boleh datang dan pergi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Hari Kesedaran Lupus dan Kempen 'Walk-A-Payung' di Dewan Canselor UMS.

Menurut Datuk Harun sehingga kini para saintis dan doktor di seluruh dunia masih belum mengetahui punca sebenar penyakit itu.

Bagaimanapun, katanya, kajian mendapati faktor keturunan, genetik dan faktor lain seperti persekitaran yang terdedah kepada cahaya matahari, hormon, stress dan jangkitan kuman merupakan risiko punca penyakit ini.

Turut hadir, Penasihat Perubatan Persatuan SLE Sabah Chapter Dr. Eileen Chong, Pengerusi Program No'man Haji Ahmad dan Pensyarah Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UMS, Dr. Malehah Mohd Noh.

**setiap pesakit mempunyai gejala yang berbeza iaitu sama ada ringan, sederhana atau serius**

